

ANALISIS PENGGUNAAN DIALEK DALAM KALANGAN MASYARAKAT CINA DI DUNGUN, TERENGGANU

ANALYSIS OF DIALECT USE AMONG THE CHINESE COMMUNITY IN DUNGUN, TERENGGANU

Azean Idruwani Idrus^{1*}
Nur Annisha Syafirah Anuar²

^{1,2} Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Hab Pendidikan Tinggi Pagoh, Johor, Malaysia

azeanidruwaniidrus@iium.edu.my*

*Dihantar/Received: 10 Sept 2025 | Penambahbaikan/Revised: 16 Nov 2025
Diterima/Accepted: 01 Dec 2025 / Terbit/Published: 25 Dec 2025*

DOI: <https://doi.org/10.51200/ga.v1i2.7145>

ABSTRAK

Keunikan Malaysia yang dihuni oleh pelbagai bangsa, budaya dan agama telah mewarnai kehidupan masyarakat, sekali gus menjadikan kepelbagaian tersebut sebagai asas perpaduan. Kewujudan pelbagai bahasa dan dialek ini mencerminkan kekayaan budaya dan sejarah manusia yang sangat kompleks. Bahasa bukan sahaja alat komunikasi tetapi juga identiti dan warisan sesuatu masyarakat. Terengganu merupakan sebuah negeri di Pantai Timur Malaysia, dan majoriti penduduk Melayunya menggunakan dialek Terengganu dalam komunikasi harian. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir masyarakat Cina yang turut menggunakan dialek tersebut dalam perbualan seharian. Justeru, objektif kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis penggunaan dialek dalam kalangan masyarakat Cina di daerah Dungun, Terengganu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan tumpuan kepada kajian kepustakaan dan lapangan dengan mengaplikasikan Teori Domain Fishman (1972). Kaedah pengedaran borang soal selidik secara dalam talian melalui *Google Form* dan temu bual bersama responden. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemahaman perkataan dialek Terengganu dalam kalangan masyarakat Cina berada pada tahap yang memuaskan dan masyarakat Cina memahami makna bahasa Melayu dalam dialek Terengganu walaupun mempunyai perbezaan yang ketara. Kajian ini juga mendapati faktor pekerjaan mendorong masyarakat Cina menggunakan dialek Terengganu. Kajian ini menjelaskan bahawa tahap pemahaman masyarakat Cina terhadap dialek Terengganu berperanan sebagai penghubung komunikasi yang mengukuhkan hubungan antara komuniti agar terus erat dan harmoni. Dialek Terengganu bukan sahaja berfungsi sebagai medium pertuturan, malah turut mencerminkan identiti serta budaya setempat yang unik.

Kata Kunci: Wacana, Perbualan, Masyarakat Cina, Dungun, Dialek

ABSTRACT

Malaysia is known for its uniqueness, characterized by its diverse races, cultures, and religions, which have enriched the lives of its communities and formed the foundation of unity in the country. The variety of languages and dialects present in Malaysia reflects the complexity and richness of its cultural and historical heritage. Language serves not only as a means of communication but also as an identity marker and a vital component of a community's heritage. Terengganu, located on the East Coast of Malaysia, is predominantly inhabited by a Malay population that primarily communicates using the Terengganu dialect. Interestingly, some members of the Chinese community also employ this dialect in their daily conversations. The objective of this study is to identify and analyze the use of dialects among the Chinese community in the Dungun district of Terengganu. This research adopts a qualitative approach, grounded in literature and field research, utilizing Fishman's Domain Theory (1972). Data was collected through online questionnaires via Google Forms and interviews with respondents. The findings indicate that the understanding of the Terengganu dialect among the Chinese community is at a satisfactory level. They demonstrate a good grasp of the meanings of words in this dialect, despite significant differences from their native language. Additionally, employment opportunities were found to be a motivating factor for the Chinese community to use the Terengganu dialect. This study highlights that the level of understanding of the Terengganu dialect among the Chinese community serves as an important communication link that fosters close and harmonious relationships between different communities. The Terengganu dialect not only functions as a means of speech but also embodies the unique local identity and culture of the region.

Keywords: Discourse; Conversation; Chinese Community; Dungun; Dialect

PENGENALAN

Malaysia adalah salah satu negara yang memiliki pelbagai etnik, budaya dan agama. Kepelbagaian ini telah mewujudkan dialek di setiap negeri di Malaysia yang disebabkan oleh perbezaan latar belakang sosial suatu masyarakat. Penggunaan dialek di setiap negeri bukan sahaja dikuasai oleh penutur natif tetapi juga turut dikuasai oleh masyarakat Cina, India dan Siam. Komunikasi yang menggunakan dialek setempat telah memudahkan proses komunikasi antara satu masyarakat dengan masyarakat lain di setiap negeri agar dapat difahami dengan mudah. Kaum Cina merupakan salah satu kelompok bangsa atau kaum di Malaysia yang merupakan kelompok kedua terbesar selepas Melayu. Berdasarkan tahun 2023, Terengganu mencatatkan anggaran penduduk seramai 1,209,400 orang terdiri daripada pelbagai kaum yang merangkumi kesemua daerah (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023). Kaum Cina mencatatkan jumlah seramai 22,800 orang atau 1.88%. Masyarakat Cina di daerah Dungun merupakan kelompok minoriti dengan populasi adalah seramai 3337 orang pada tahun 2017 menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2023).

Di daerah Dungun, masyarakat Cina lebih memilih untuk menggunakan bahasa ibunda mereka dalam pertuturan harian, iaitu bahasa Hokkien. Hal ini menunjukkan bahawa dialek Terengganu tidak menjadi medium utama dalam proses berkomunikasi sehingga mempengaruhi masyarakat Cina yang tinggal di daerah tersebut. Faktor penuturan bahasa Cina berbanding dialek Terengganu oleh masyarakat Cina tinggal di daerah Dungun lebih sudah sebatik dalam kehidupan seharian. Tambahan pula, penggunaan bahasa ibunda dianggap dapat memartabatkan bahasa Cina dalam kehidupan harian mereka. Menurut Shaghir et al. (2021), masyarakat Cina merupakan komuniti yang tertutup dan kurang senang atau terbuka untuk menerapkan konsep-konsep asing atau baharu dalam kehidupan. Selari dengan itu, kebanyakan masyarakat Cina lebih selesa menggunakan bahasa Cina ketika berkomunikasi dalam kehidupan seharian. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis penggunaan dialek dalam kalangan masyarakat Cina di daerah Dungun,

Terengganu.

SOROTAN LITERATUR

Kajian Lepas Mengenai Dialek Terengganu

Kajian-kajian terdahulu yang meneliti dialek Terengganu memperlihatkan tumpuan terhadap aspek geolinguistik, fonologi, leksikal dan fungsi kata tertentu. Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2021) mendapati bahawa penggunaan GIS memberikan ketepatan dalam memetakan variasi dialek, namun penggunaan teknologi ini turut mengehadkan aspek lain seperti pemahaman antara komuniti. Kajian tersebut menekankan kekuatan analisis ruang tetapi terhad dari segi aspek makna dan kefahaman penutur lintas etnik. Hal ini berbeza dengan kajian Junaini Kasdan dan Muhammad Fahmi (2018) yang menilai penerimaan dialek dalam penyampaian dakwah, tetapi dapatan mereka terhad kepada pemahaman penutur Melayu sahaja.

Dalam masa yang sama, kajian fonologi oleh Nor Hashimah et al. (2021) membuktikan bahawa ciri dialek Terengganu kekal stabil selepas tiga dekad. Namun, kajian ini juga tidak membawa dimensi pemahaman antara dialek dan bahasa standard, apatah lagi pemahaman oleh komuniti bukan Melayu. Sementara itu, kajian Nur Sufiah Azmi dan Maslida Yusof (2020) meneliti kata “kesangatan” sebagai penguat adjektif, tetapi tumpuan sempit pada satu bentuk kata menyebabkan dapatan tidak dapat digeneralisasikan kepada keseluruhan dialek.

Sebahagian kajian seperti Rosdi Zakaria et al. (2019) pula memberi perhatian kepada pelestarian dialek, menekankan pengaruh perubahan sosial dan teknologi terhadap variasi kosa kata, namun tidak menyentuh aspek kefahaman interetnik. Secara keseluruhan, kajian-kajian lepas tentang dialek Terengganu kuat dari segi perincian linguistik (fonologi, geolinguistik, leksikal), tetapi lemah dari segi konteks interaksi sosial dan pemahaman antara etnik, terutamanya dalam komuniti Cina.

Kajian Lepas Mengenai Perbezaan Dialek dengan Bahasa Melayu Standard

Kajian perbandingan antara dialek dan bahasa standard menunjukkan bahawa penyelidikan banyak menumpukan perbezaan fonologi dan leksikal. Julaina Nopiah et al. (2023) berjaya merakamkan variasi leksikal subdialek Bukit Kepong, namun analisis mereka terhad kepada kata ganti nama, sapaan dan kata tanya, tanpa melihat aspek pemahaman dalam konteks interetnik. Kajian fonologi oleh Muhammad Sholeh et al. (2022) pula membandingkan bahasa Melayu dengan bahasa Indonesia, tetapi fokus silang bahasa menjadikannya kurang relevan untuk memahami hubungan dialek Malaysia dengan bahasa Melayu standard.

Sementara itu, kajian Nabillah Bolhassan (2019) meneliti kekaburan makna kata kerja dalam dialek Sarawak, menunjukkan bagaimana perbezaan leksikal memberi implikasi terhadap komunikasi penutur bukan jati. Kajian ini penting dari sudut teori semantik dan ketepatan analisis, namun konteksnya tidak melibatkan dialek Terengganu atau masyarakat Cina di Malaysia. Secara keseluruhan, kajian dalam kumpulan ini menyumbang kepada pemahaman variasi bahasa, namun tidak menyediakan gambaran tentang bagaimana kelompok bukan jati memahami perbezaan dialek, iaitu satu jurang yang masih kosong.

Kajian Umum Mengenai Dialek

Beberapa kajian lain mengkaji penggunaan dialek dalam pelbagai konteks sosial. Kajian Farindah Sellawati Pandiangan dan Mimi Rosadi (2023) menunjukkan kepelbagaian dialek dalam filem sebagai refleksi budaya, namun lebih bersifat analisis kandungan tanpa

melibatkan interaksi penutur. Dina Sri Wahyuni et al. (2022) pula mendapati pengaruh dialek Isan mengganggu sebutan bahasa Inggeris, menekankan kesan fonologi dialek terhadap bahasa kedua. Walaupun relevan dari sudut pengaruh dialek terhadap kefahaman, konteksnya tidak berkaitan dengan dialek Terengganu.

Kajian oleh Zul Hanis Yop Othman dan Nabillah Bolhassan (2020) menggunakan Teori Relevans untuk menilai kekaburan makna dalam dialek Pulau Pinang. Kekuatan kajian ini terletak pada penggunaan teori pragmatik, namun kerangkanya tidak diaplikasikan pada dialek Terengganu atau kepada komuniti Cina. Begitu juga kajian Azrizan Abu Bakar dan Karim Harun (2019) mengenai kata eksklusif dialek Kelantan, yang menekankan identiti dan budaya tetapi tidak membincangkan hubungan kefahaman antara etnik.

Keseluruhannya, bidang kajian dialek banyak membincangkan variasi linguistik dan fungsi sosial, tetapi kurang memberi perhatian kepada aspek kefahaman dialek oleh komuniti bukan penutur jati.

Kesimpulannya, kajian-kajian lepas mengenai dialek Terengganu dan perbandingannya dengan bahasa Melayu standard menunjukkan bahawa penyelidikan terdahulu lebih menumpukan aspek linguistik seperti geolinguistik, fonologi, leksikal serta fungsi kata, manakala kajian umum mengenai dialek pula meneliti variasi dialek dalam konteks sosial dan media. Walaupun penyelidikan ini memperkayakan pemahaman tentang struktur dan variasi dialek, kebanyakannya terhad kepada analisis dalaman dialek atau perbandingan bahasa tanpa menilai aspek kefahaman oleh komuniti bukan penutur jati. Jurang ini lebih ketara apabila tiada kajian yang meneliti secara khusus pemahaman masyarakat bukan Melayu, khususnya komuniti Cina, terhadap dialek Terengganu. Justeru, kajian ini diperlukan bagi mengisi kekosongan ilmiah tersebut dengan memberi tumpuan kepada aspek pemahaman interetnik yang belum diterokai oleh penyelidik terdahulu.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan dua kaedah pengumpulan data, iaitu data primer dan data sekunder, iaitu menerusi kajian kepustakaan dan kajian atas talian seperti *Google Scholar*. Data primer dikumpulkan menerusi edaran soal selidik dan temu bual. Bagi mendapatkan maklumat daripada 11 orang responden Dari segi jantina, majoriti responden terdiri daripada lelaki dengan 63.6 peratus ($n=7$), manakala responden perempuan merangkumi 36.4 peratus ($n=4$). Analisis umur pula menunjukkan bahawa kelompok terbesar ialah responden berusia 51 tahun dan ke atas, yang mewakili 45.4 peratus daripada keseluruhan sampel. Seterusnya, 36.4 peratus berada dalam lingkungan umur 31 hingga 40 tahun, manakala 18.2 peratus terdiri daripada responden berumur 25 hingga 30 tahun. Keseluruhannya, pola taburan ini mencerminkan penyertaan yang lebih dominan daripada responden lelaki serta individu dalam kategori usia matang, sekali gus menunjukkan latar demografi yang berpotensi mempengaruhi perspektif dan pengalaman bahasa dalam kajian ini. Pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik kepada responden masyarakat Cina yang tinggal di daerah Dungun terutamanya mukim Kuala Dungun. Soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik tersebut adalah berbentuk terbuka dan tertutup. Selain itu, kaedah temu bual dilakukan bagi memperoleh maklumbalas daripada setiap informan yang terlibat. Soalan temu bual yang disediakan adalah berbentuk terbuka serta memerlukan pendapat daripada informan. Kajian kepustakaan dijalankan melalui rujukan bahan primer dan sekunder yang diperoleh daripada perpustakaan, termasuk buku, jurnal, majalah ilmiah serta kertas seminar. Selain itu, pengkaji turut memanfaatkan sumber dalam talian dengan melakukan pencarian maklumat melalui pangkalan data bagi memperoleh bahan rujukan yang relevan dan terkini. Pendekatan ini memastikan pengumpulan data teori dilakukan secara komprehensif dan berasaskan sumber ilmiah yang sahih.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pemahaman Perkataan Dialek Terengganu dalam Kalangan Masyarakat Cina di Dungun, Terengganu

Dialek Terengganu mempunyai variasi bahasa yang unik terutamanya dari segi sebutan, kosa kata, dan makna perkataan. Penggunaan dialek Terengganu dalam kalangan masyarakat Cina di daerah Dungun menjadi perkara penting dalam melihat pemahaman mereka terhadap dialek tersebut berikutan mereka hanya berkebolehan bertutur dalam bahasa ibunda mereka sahaja. Jadual 1 menunjukkan perkataan dalam dialek Terengganu, kategori serta maksud dalam Bahasa Melayu standard. Pengkaji telah mengkategorikan dialek tersebut kepada empat kategori, iaitu kata nama, kata adjektif, kata tanya dan kata kerja.

Kategori	Dialek Terengganu	Bahasa Melayu Standard
Kata Adjektif	<i>Lallu</i>	Sekarang
Kata Kerja	<i>Kabo</i>	Beritahu
Kata Tanya	<i>Wwape</i>	Berapa
Kata Adjektif	<i>Buah</i>	Buas
Kata Nama	<i>Saing</i>	Kawan
Kata Nama	<i>Tok</i>	Nenek
Kata Nama	<i>Supik</i>	Plastik
Kata Nama	<i>Robok</i>	Almari
Kata Nama	<i>Puyuk/Puyok</i>	Periuk
Kata Adjektif	<i>Lonjong</i>	Tinggi

Jadual 1: Dialek Terengganu dan Bahasa Melayu Standard

i) Kata nama

Kata nama merujuk kepada istilah umum yang bagi menggambarkan manusia, haiwan, tempat dan benda. Sebahagian besar perkataan dialek yang disenaraikan berada dalam kategori kata nama, iaitu sebanyak lima item: *saing*, *tok*, *supik*, *robok* dan *puyuk/puyok*. Keutamaan kategori ini memperlihatkan bahawa dialek Terengganu mempunyai kepelbagaian leksikal yang tinggi dalam penamaan objek seharian serta entiti sosial. Kebanyakan kata nama yang dikenal pasti merujuk kepada benda konkrit seperti peralatan rumah (*robok*, *puyuk/puyok*), barangan harian (*supik*), serta hubungan kekeluargaan (*tok*) dan persahabatan (*saing*). Hal ini menunjukkan bahawa dialek berkembang melalui interaksi harian masyarakatnya dan terikat rapat dengan budaya material serta hubungan sosial setempat.

Dominasi kata nama ini dapat dijelaskan melalui Teori Domain Fishman (1972) yang menekankan bahawa penggunaan bahasa bergantung pada domain tertentu seperti keluarga, rakan sebaya, komuniti setempat dan ruang sosial. Dalam konteks dialek Terengganu, perkataan seperti *supik*, *robok* dan *puyok/puyok* digunakan dalam domain domestik, iaitu interaksi dalam rumah, keluarga dan persekitaran sosial yang bersifat rapat. Domain ini mengekalkan bentuk leksikal dialek kerana ia mencerminkan aktiviti harian, alat kegunaan rumah serta hubungan kekeluargaan yang menjadi sebahagian daripada pengalaman budaya masyarakat. Oleh itu, kewujudan kata nama dialek yang kuat dalam domain-domain ini membolehkan dialek terus hidup dan berfungsi sebagai identiti sosial komuniti.

Penggunaan perkataan *Supik*, *Robok*, *Puyuk/Puyok* dalam dialek Terengganu ini memperlihatkan pemahaman yang baik dalam kalangan responden dengan mencatatkan peratusan yang rendah bagi makna yang tidak tepat. Dapatan menunjukkan 90.9% responden yang memahami perkataan *supik* dalam dialek Terengganu dengan memilih plastik sebagai

jawapan. Perkataan *supik* dalam dialek Terengganu yang difahami oleh masyarakat Cina ialah plastik. Hal ini menunjukkan responden memahami maksud plastik, iaitu sesuatu yang digunakan untuk mengangkut barangan. Selebihnya, seorang responden atau 9.1% memilih sarung sebagai jawapan.

Perkataan *robok* bermaksud almari dalam bahasa Melayu standard. Dialek bagi *robok* mencatatkan peratusan yang tinggi, iaitu terdapat seramai lapan orang daripada kesemua 11 orang responden atau 72.7% memberikan makna yang tepat bagi perkataan *robok* iaitu dengan menyatakan almari sebagai jawapan. Bagi tiga responden atau 27.3% memilih jawapan runtuh dalam bahasa Melayu standard bagi sebutan *robok*. Perkara tersebut menunjukkan responden tidak memahami makna yang betul dan keliru.

Selanjutnya, perkataan dalam dialek Terengganu yang tergolong dalam kategori benda atau peralatan ialah *puyuk* / *puyok* bermaksud periuk dalam bahasa Melayu standard. Seramai 8 orang responden atau 72.7% yang memahami makna perkataan *puyuk* / *puyok* dengan memilih jawapan periuk. Manakala 2 orang responden bersamaan 18.2%-pula memilih jawapan kualiti dan terdapat; seorang responden atau 9.1% memberi jawapan sudip. Sebutan perkataan *puyuk* / *puyok* dalam dialek Terengganu mengalami ringkasan suku kata dari perkataan periuk yang terdapat dalam bahasa Melayu standard. Perkataan periuk merujuk kepada peralatan memasak yang digunakan untuk memasak makanan dan biasanya diperbuat daripada logam. Tuntasnya, pemilihan jawapan periuk menunjukkan masyarakat Cina di daerah Dungun memahami perkataan *puyuk* / *puyok* dalam dialek Terengganu. Berdasarkan penggunaan kata nama benda atau peralatan dalam dialek Terengganu oleh masyarakat Cina seperti *puyuk/puyok*, *supik* dan *robok* masih boleh difahami.

Dominasi kata nama ini juga selari dengan ciri umum dialek Melayu yang lazimnya mempunyai bentuk leksikal yang tersendiri untuk menamakan sesuatu yang dekat dengan kehidupan masyarakat. Fenomena ini memperkukuh andaian bahawa budaya, lokasi geografi dan praktik komuniti setempat mempengaruhi pembentukan kosa kata dalam dialek. Justeru, variasi yang wujud dalam kategori ini bukan sahaja menggambarkan kekayaan linguistik dialek Terengganu, tetapi turut mencerminkan identiti budaya serta cara hidup masyarakatnya.

(ii) Kata Adjektif

Kata adjektif ialah golongan kata yang digunakan untuk menerangkan sifat, keadaan, ciri atau kualiti sesuatu kata nama. Dalam tatabahasa Bahasa Melayu, kata adjektif berfungsi memberikan maklumat tambahan yang menjelaskan rupa, ukuran, bentuk, warna, perasaan, jarak, waktu serta pelbagai atribut lain bagi sesuatu entiti. Dari segi sintaksis, kata adjektif lazimnya menjadi inti dalam frasa adjektif dan boleh hadir sebagai pelengkap kepada frasa nama, sama ada di hadapan atau di belakang predikat, bergantung pada struktur ayat. Dalam data kajian ini, tiga perkataan dialek dikenal pasti sebagai kata adjektif, iaitu *lallu*, *buah* dan *lonjong*. Setiap perkataan menunjukkan variasi makna yang ketara antara dialek Terengganu dan Bahasa Melayu Standard, sekali gus memberi gambaran jelas tentang cabaran pemahaman dialek dalam kalangan responden.

Bagi perkataan *lallu*, dalam dialek Terengganu ia membawa maksud sekarang, iaitu merujuk kepada keterangan masa. Berdasarkan dapatan kajian, sebanyak 6 daripada 11 orang responden (54.5%) memberikan jawapan yang tepat, manakala selebihnya, iaitu 5 responden (45.5%), menyatakan bahawa perkataan tersebut bermaksud selalu. Kekeliruan ini berpunca daripada andaian bahawa perkataan *lallu* mengalami pengguguran suku kata pertama daripada perkataan selalu. Walau bagaimanapun, dalam konteks dialek Terengganu, *lallu* merupakan bentuk penegasan fonologi yang berlaku melalui penekanan konsonan tertentu,

menyerupai ciri saddah dalam bahasa Arab (Mansor et al., 2013). Fenomena ini memperlihatkan keunikan fonologi dialek setempat yang tidak wujud dalam bahasa standard.

Seterusnya, perkataan *buah* dalam dialek Terengganu bermaksud buas. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 6 orang responden (54.5%) berjaya memberikan makna yang tepat, manakala 5 orang responden (45.5%) tidak dapat mengenal pasti makna tersebut. Dalam Bahasa Melayu Standard, buah merujuk kepada hasil tumbuhan yang berasal daripada putik bunga (Safitria, 2020), namun dalam dialek Terengganu perkataan ini mengalami perubahan makna yang ketara. Dari sudut fonologi dialek, perubahan daripada buah kepada buas menunjukkan proses penggantian konsonan akhir, iaitu huruf h digugurkan dan diganti dengan s, sekali gus menghasilkan makna baharu yang bermaksud ganas atau sukar dikawal. Variasi ini membuktikan wujudnya proses peralihan semantik serta inovasi fonologi dalam dialek Terengganu.

Perkataan *lonjong*, yang pada asalnya dalam Bahasa Melayu Standard bermaksud bentuk bujur memanjang, turut memperlihatkan peralihan makna apabila digunakan dalam dialek Terengganu. Majoriti responden, iaitu seramai 9 orang (81.8%), memberi makna yang betul, iaitu tinggi, manakala 2 orang responden (18.2%) masih memberi makna bujur. Perubahan ini menandakan berlakunya peluasan makna (semantic extension) daripada adjektif bentuk kepada adjektif ukuran. Peralihan semantik ini menunjukkan bahawa penutur dialek Terengganu mengaitkan idea memanjang dengan tinggi, lalu memindahkan makna tersebut ke dimensi vertikal. Fenomena ini memperlihatkan bagaimana interpretasi visual dan pengalaman budaya setempat mempengaruhi pembentukan makna sesuatu leksikal dalam dialek.

Secara keseluruhannya, penggunaan kata adjektif seperti lallu, buah dan lonjong dalam dialek Terengganu memperlihatkan sistem semantik dan fonologi yang unik berbanding Bahasa Melayu Standard. Variasi makna ini bukan sahaja menunjukkan kreativiti linguistik komuniti setempat, malah mengesahkan pandangan Fishman (1972) bahawa penggunaan bahasa sangat terikat kepada domain sosial tertentu. Apabila penutur berada di luar domain bahasa tersebut, kekangan pemahaman akan berlaku, seperti yang ditunjukkan melalui hasil kajian ini.

(iii) Kata Ganti Nama Diri

Kata ganti nama diri ialah golongan kata yang digunakan untuk menggantikan kata nama orang dalam ayat bagi mengelakkan pengulangan dan menjadikan struktur ayat lebih ringkas serta jelas. Dalam sistem tatabahasa Bahasa Melayu, kata ganti nama diri merujuk secara khusus kepada individu yang terlibat dalam pertuturan sama ada sebagai penutur, pendengar atau pihak yang dibicarakan. Kata ganti nama diri ini mencerminkan nilai-nilai sosial dan budaya yang penting dalam komunikasi seharian.

Dalam konteks kajian dialek, Teori Domain Fishman (1972) menjelaskan bahawa penggunaan bahasa atau bentuk bahasa tertentu bergantung pada domain seperti keluarga, rakan sebaya, masyarakat setempat serta situasi sosial tertentu. Setiap domain mempunyai norma bahasa tersendiri yang mempengaruhi pemilihan kata, termasuk kata ganti nama diri dan leksikal setempat. Justeru, perbezaan makna dan penggunaan sesuatu kata dalam dialek tertentu lazimnya berkait dengan fungsi sosialnya dalam domain komunikasi harian masyarakat tersebut.

Perkataan *saing* dalam bahasa Melayu standard bermaksud bersaing atau bergaduh atau mudah untuk difahami adalah berkaitan dengan persaingan atau pertandingan dalam mendapatkan sesuatu perkara atau benda. Manakala dalam dialek Terengganu, perkataan *saing* didefinisikan sebagai teman atau kawan. Pemahaman perkataan *saing* dalam masyarakat Cina di daerah Dungun adalah tinggi. Bagi dialek Terengganu, sebutan *Saing* dan

Tok masih lagi sebatu dalam pertuturan masyarakat Cina di daerah Dungun. Berdasarkan jadual 1 kata ganti nama diri mempunyai sistem lambangnya yang tersendiri. Dapatan menunjukkan seramai 7 orang responden atau 63.6% menjawab perkataan kawan dalam bahasa Melayu standard sebagai jawapan bagi perkataan *saing*. Sementara itu, hanya 4 orang responden atau bersamaan 36.4% tidak mengetahui makna yang tepat kerana mengalami kekeliruan dengan *saing* yang terdapat dalam bahasa Melayu standard dan telah memilih perkataan gaduh sebagai jawapan pilihan. Hal ini kerana masyarakat Cina menganggap bahawa perkataan *saing* ini lebih menunjukkan kemesraan apabila sesuatu interaksi dan komunikasi itu berlaku. Seterusnya, dapatan makna bagi leksikal *tok* yang bermaksud nenek menunjukkan seramai 9 orang responden atau 81.8% memahami perkataan *tok* kerana telah memilih jawapan nenek. Dalam pada itu, dua orang responden bersamaan 18.2% tidak memilih jawapan yang disediakan. Perkataan *tok* merupakan sebutan yang sering digunakan untuk memanggil datuk atau nenek. Hal ini menunjukkan persamaan dalam makna perkataan *tok* antara dialek Terengganu dan bahasa Melayu standard. Namun, hanya 2 orang responden yang memilih jawapan tidak kerana menganggap perkataan *tok* mengalami penguguran vokal 'a' dan digantikan dengan vokal 'o' yang membawa maksud tak atau tidak.

(iv) Kata Kerja

Kata kerja ialah golongan kata yang digunakan untuk menyatakan perbuatan, tindakan, gerak, proses, keadaan atau pengalaman yang dilakukan oleh sesuatu subjek. Dalam tatabahasa Bahasa Melayu, kata kerja menjadi inti kepada frasa kerja dan lazimnya bertindak sebagai predikat dalam ayat, iaitu unsur yang menerangkan apa yang dilakukan, dialami atau berlaku kepada subjek. Perkataan *kabo* dalam dialek Terengganu bermaksud mengkhabarkan sesuatu perkara kepada orang lain. Berdasarkan jawapan daripada soal selidik, pemahaman yang baik ditunjukkan dalam kalangan responden, masyarakat Cina di daerah Dungun dengan mencatatkan peratusan yang rendah bagi makna yang tidak tepat. Terdapat sepuluh orang responden atau 90.9% memahami makna bagi perkataan *kabo* dan hanya seorang sahaja atau 9.1% memilih surat khabar sebagai jawapan. Surat khabar ialah agen pembaharuan informasi dan komunikasi yang menjawab segala persoalan dalam konteks perubahan masyarakat. Namun, perkataan surat khabar ~~ini~~ disebut sebagai surat *kabo* dalam dialek Terengganu. Perkataan *kabo* dalam dialek Terengganu mempunyai bunyi hampir sama dengan perkataan khabar dalam bahasa Melayu standard. Oleh itu, masih terdapat responden yang tidak memahami perkataan dan mengalami kekeliruan ketika menjawab borang soal selidik.

Fenomena ini dapat dijelaskan melalui Teori Domain Fishman (1972) yang menegaskan bahawa pemilihan bentuk bahasa tertentu bergantung pada konteks domain sosial seperti keluarga, rakan sebaya, pekerjaan atau masyarakat setempat. Dalam komuniti Dungun, penggunaan bentuk dialek seperti *kabo* merupakan pilihan bahasa yang dominan dalam domain pergaulan seharian dan interaksi intra-etnik. Oleh itu, walaupun responden bukan penutur jati dialek Terengganu, pendedahan mereka terhadap interaksi masyarakat setempat menjadikan mereka lebih memahami makna *kabo* dalam konteks komunikasi harian, namun masih terdedah kepada kekeliruan apabila bentuk dialek mendekati perkataan standard yang mempunyai makna berbeza.

v) Kata Tanya

Kata tanya ialah golongan kata yang digunakan untuk membentuk soalan dengan tujuan mendapatkan maklumat tertentu tentang orang, benda, tempat, masa, sebab, pilihan atau cara sesuatu perbuatan dilakukan. Kata tanya berfungsi sebagai unsur penting dalam ayat tanya dan digunakan untuk menimbulkan respons daripada pendengar atau pembaca.

Sebutan *wwape* yang bermaksud berapa dalam bahasa Melayu standard telah dijawab dengan tepat oleh sembilan orang responden atau 81.8. Perkataan tersebut dikategorikan sebagai kata tanya yang digunakan untuk bertanya tentang sesuatu perkara. Namun, terdapat

dua orang responden atau 18.2% memilih jawapan kenapa. Perkataan *wwap* banyak difahami masyarakat Cina di Dungun terutamanya mereka yang menjalankan perniagaan. Mereka memahami perkataan *wwap* sebagai berapa yang digunakan untuk bertanyakan jumlah. Kata tanya berapa sering digunakan dalam pelbagai keadaan terutamanya untuk mendapatkan maklumat mengenai angka atau nilai sesuatu (Hamzah et al., 2023). Dalam dialek Terengganu, makna perkataan *wwap* ini sangat berbeza dengan bahasa Melayu standard kerana mempunyai penekanan sebutan pada huruf 'w'. Penegasan sebutan adalah melalui penekanan bunyi huruf tertentu yang boleh disamakan dengan bunyi sabdu dalam bahasa Arab (Mansor et al., 2013). Oleh itu, sebutan kabo dan *wwape* menunjukkan bahawa variasi fonologi dialek Terengganu bukan sekadar perubahan bunyi, tetapi turut mempengaruhi tahap pemahaman responden, terutamanya apabila bentuk dialek tersebut melibatkan penegasan konsonan yang tidak terdapat dalam bahasa standard.

Dapatan ini dapat dijelaskan melalui Teori Domain Fishman (1972) yang menegaskan bahawa penggunaan bahasa bergantung pada *domain* sosial tertentu seperti keluarga, rakan sebaya, agama, pekerjaan dan masyarakat setempat. Dalam konteks ini, penggunaan bentuk dialek *wwap* dalam komuniti Cina di Dungun menunjukkan bahawa pilihan bahasa dan variasi sebutan dipengaruhi oleh domain perdagangan dan interaksi sosial harian. Apabila bentuk linguistik itu sering digunakan dalam domain tertentu, ia menjadi sebahagian daripada norma komunikasi kumpulan tersebut. Justeru, penggunaan dan pemahaman yang berbeza terhadap *wwap* memperlihatkan bagaimana faktor domain sosial mempengaruhi pilihan bahasa, seterusnya mempengaruhi pemaknaan dan respons linguistik responden.

Faktor Yang Mendorong Pemahaman Perkataan Dialek Terengganu dalam Kalangan Masyarakat Cina di Dungun, Terengganu

Domain Pekerjaan

Domain pekerjaan menjadi faktor yang mendorong pemahaman perkataan dialek Terengganu dalam kalangan masyarakat Cina di daerah Dungun. Domain pekerjaan dalam sektor perniagaan merupakan domain yang merangkumi situasi penggunaan bahasa. Pemahaman dialek dalam domain pekerjaan juga dipengaruhi oleh peraturan penggunaan bahasa berdasarkan peraturan di tempat kerja. Pemahaman dialek dalam kehidupan seharian dipengaruhi oleh interaksi sosial antara individu. Hal ini demikian kerana, dialek merupakan bahasa pertama bagi penutur asli dan memudahkan proses komunikasi dan interaksi sosial (Nawi & Embong, 2021). Oleh itu, pemahaman dialek Terengganu dalam pekerjaan bukan sahaja penting untuk keberkesanan komunikasi tetapi juga untuk memelihara identiti budaya dan memperkukuhkan hubungan sosial di tempat kerja. Hal ini dengan jelas dapat dilihat daripada salah seorang informan kajian yang merupakan seorang penjual alat-alatan memasak di mukim Kuala Dungun sudah menjadi kebiasaan bagi beliau untuk menggunakan perkataan seperti "supik", "robok" dan "puyuk/puyok" ketika menjalankan perniagaannya bersama para pelanggan. Menurut responden, pemahaman dialek Terengganu hanya digunakan dengan pelanggan yang berbangsa Melayu dan merupakan penutur jati dialek Terengganu sahaja. Kesimpulannya, pemahaman dialek Terengganu di tempat kerja dalam kalangan informan menunjukkan kadar yang amat tinggi dalam kajian ini. Perkara ini menjelaskan bahawa majoriti responden Cina memilih bertutur dalam dialek Terengganu di tempat kerja terutamanya bersama pelanggan yang berbangsa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana, sebahagian besar pelanggan mereka merupakan penduduk setempat dan penutur jati dialek Terengganu. Perkara ini juga mendorong kepada pemahaman dialek Terengganu yang lebih tinggi pada masa akan datang.

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang dilakukan dapat disimpulkan bahawa pemahaman dialek Terengganu dalam kalangan masyarakat Cina di daerah Dungun berada di tahap yang memuaskan. Hal ini kerana mereka masih menggunakan dialek Terengganu ketika berkomunikasi dalam kehidupan seharian walaupun tidak konsisten. Walaupun terdapat kekangan dalam konsistensi penggunaan dan keupayaan mereka untuk berkomunikasi dalam dialek Terengganu menunjukkan bahawa mereka menghargai dan berusaha untuk memahami bahasa tempatan. Penggunaan harian dialek mempengaruhi interaksi sosial, disebabkan pendedahan media, serta sikap positif terhadap budaya tempatan adalah faktor-faktor yang menyokong tahap pemahaman ini. Semua ini mencerminkan usaha untuk membina jalinan perpaduan antara etnik dan memperkukuh identiti budaya masyarakat Dungun.

RUJUKAN

- Bakar, A. A., & Harun, K. (2019). Kata-kata eksklusif dialek Kelantan dalam komunikasi kumpulan WhatsApp (Kelantanese dialect exclusive words in the WhatsApp group communication). *Akademika*, 89(1).
<https://ejournals.ukm.my/akademika/article/download/31245/9261>
- Bolhassan, N. (2019). Dialek Melayu Sarawak dan Bahasa Melayu baku: Satu kajian perbandingan. *Jurnal Sains Sosial*, 4(1), 9–19.
<http://unimel.edu.my/journal/index.php/JSS/article/view/475/402>
- Hamzah, N. Z., Awang, H., & Md Yusof, F. H. (2023). Pengaruh dialek Kedah terhadap fonetik dan leksikal kata soal pelajar PISMP: Satu kajian kes. *Conference e-Proceedings International Conference of Research on Language Education 2023*, 633-642.
<https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/82019/1/82019.pdf>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). Population quick info. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jalaluddin, N. H., & Halim, W. A. A. W. (2021). Kata ganti nama dialek Melayu Terengganu: Analisis geolinguistik. *Jurnal Bahasa*, 21(1), 67–88.
https://www.researchgate.net/publication/353001175_Kata_Ganti_Nama_Dialek_Melayu_Terengganu_Analisis_Geolinguistik
- Jalaluddin, N. H., Wan Abdul Halim, W. A. A., & Radzi, H. (2021). Sorotan dialek di Terengganu selepas tiga dekad: Perspektif geolinguistik. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 21(3). <https://ejournal.ukm.my/gema/issue/view/1417>
- Kasdan, J., & Hassan, M. F. A. (2018). Dialek Terengganu dalam penyampaian dakwah: Analisis sosiokognitif. *International Journal of The Malay World and Civilisation*, 6(3), 29–41. <http://journalarticle.ukm.my/12479/1/jatma-2018-0603-03.pdf>
- Mansor, N. R., Mansor, N., & Abd Rahim, N. (2013). Dialek Melayu Terengganu: Pendokumentasian Dan Pengekalan Warisan Variasi Bahasa Tempatan. *Jurnal Melayu*, 10, 21-35.
https://www.researchgate.net/publication/317711575_DIALEK_MELAYU_TERENGGANU_PENDOKUMENTASIAN_DAN_PENGEKALAN_WARISAN_VARIASI_BAHASA_TEMPATAN
- Nawi, N. S., & Embong, Z. (2021). Peranan dialek dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah menengah. *International Journal of Social Policy and Society*

<http://myscholar.umk.edu.my/bitstream/123456789/2847/1/PERANAN%20DIALEK%20NURADLIN%20ISM.pdf>

- Nopiah, J. B., Kasdan, J. B., & Nor, M. F. B. M. (2023). Subdialek Mukim Bukit Kepong: Satu kajian rintis (Subdialects of Bukit Kepong Municipality: A pilot study). *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 7(1).
- Othman, Z. H. Y., & Bolhassan, N. (2020). Leksikal penutur dialek Pulau Pinang dalam kalangan kakitangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dari sudut pragmatik. *Jurnal Kesidang*, 5(1), 190–200.
<http://unimel.edu.my/journal/index.php/JK/article/view/781/626>
- Pandiangan, F. S., & Rosadi, M. (2023). Analisis dialek dalam bentuk bahasa percakapan dalam filem “Imperfect” karya Meira Anastasia. *Journal of Educational Research and Humaniora (JERH)*, 47–58.
<https://www.pusdikrapublishing.com/index.php/jbhs/article/view/1546/1378>
- Safitri, A., Hermendra, H., & Sinaga, M. (2020). Metafora kata buah dalam bahasa Melayu dialek Mampura Kabupaten Siak: Kajian semantik kognitif. *Madah: Jurnal Bahasa dan Sastra*, 11(2), 161–172. <https://doi.org/10.31503/madah.v11i2.219>
- Shaghier, H. A., Shuib, N. H., & Murugasen, M. (2021). Kaunseling pelbagai budaya (KPB) di Malaysia: Konsep dan praktis. *Wadah JIP*, 1–15.
https://publication.penerbitanipgkpt.edu.my/ojs/index.php/Wadah_JIP_IPGKPT/article/view/12/10
- Sholeh, M., Ginting, S. U. B., & Illiyana, F. (2022). Analisis perbandingan fonologi Bahasa Indonesia standar dengan Bahasa Melayu melalui siri kartun Upin dan Ipin. *Jurnal Serunai Bahasa Indonesia*, 19(2), 112–121.
<https://ejournal.stkipbudidaya.ac.id/index.php/je/article/view/679/428>
- Wahyuni, D. S., & Prismayanti, R. (2022). The influence of Isan dialect in speaking. *Talenta Conference Series: Local Wisdom, Social, and Arts (LWSA)*, 5(1), 59–62.
<https://talentaconfseries.usu.ac.id/lwsa/article/view/1324/1068>
- Zakaria, R., Mansor, N. R., Rashid, R. A., Ismail, M. S., Zakaria, R., & Razak, M. T. A. (2019). Penggunaan dan pelestarian dialek Terengganu: Tinjauan khusus terhadap dialek Melayu yang dituturkan oleh masyarakat daerah Besut.
https://www.researchgate.net/profile/RuslimiZakaria/publication/335452484_LCE_19_PENGGUNAAN_DAN_PELISTARIAN_DIALEK_TERENGGANU/links/5d66860192851c70c4c3b4a7/LCE-19-PENGGUNAAN-DAN-PELESTARIAN-DIALEK-TERENGGANU.pdf